



Rujukan Kami : ANM.JB(D)10/09 (39)

Tarikh : 17 Julai 2022

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) NEGERI JOHOR

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

TASKFORCE PEMURNIAN DATA AKAUN PUKAL UTILITI (TNB, SAJ, IWK, TM) DI IGFMAS DAN SISTEM AGENSI PUKAL OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat edaran terdahulu rujukan ANM.JB (D)10/09 (36) bertarikh 19 Jun 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, berdasarkan semakan didapati isu yang berkaitan dengan lebih pembayaran kepada agensi pukal utiliti yang berlaku di Pusat Tanggungjawab (PTJ). Perkara ini boleh menyebabkan berlaku kehilangan wang awam sekiranya lebih pembayaran tersebut gagal dikutip semula. Di antara punca - punca yang menyebabkan berlakunya lebih pembayaran kepada agensi pukal adalah seperti berikut:

2.1 PTJ telah berpindah / tutup iaitu tidak lagi menduduki premis, namun tidak membuat pembatalan akaun pukal yang didaftarkan untuk premis berkenaan dan menyebabkan pembayaran ke atas akaun pukal tersebut masih diteruskan

2.2 PTJ tidak membuat semakan silang ke atas bil/invois yang dikemukakan oleh agensi pukal utiliti dengan Laporan Pembayaran Pukal yang dijana melalui sistem iGFMAS yang sepatutnya menjadi tanggungjawab PTJ seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018

3. Sehubungan itu, satu *task force* perlu dilaksanakan bagi memastikan semua akaun pukal di PTJ yang aktif adalah sah untuk dibayar. Semakan status akaun pukal adalah berdasarkan data induk bagi empat (4) agensi iaitu TNB, TM, IWK dan Ranhill SAJ yang telah diekstrak sehingga 17 Jun 2022. Pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah membuat semakan dan pengesahan secara terperinci ke atas status akaun pukal tersebut berdasarkan keadaan berikut:

- i. Akaun masih **aktif** dan digunakan serta dibayar
- ii. Akaun masih **aktif** tetapi tidak digunakan dan masih dibayar
- iii. Akaun pukal **tidak aktif** dan masih dibayar
- iv. Akaun pukal **tidak aktif** dan tidak ditamatkan

Tindakan semakan dan pengesahan hendaklah dilaksanakan **selewat-lewatnya pada 29 Ogos 2022 (Isnin)** dan dikemaskini melalui pautan berikut:

- a) TNB : <http://tinyurl.com/tnbagjohor>
- b) TM : <http://tinyurl.com/tmagjohor>
- c) SAJ : <http://tinyurl.com/sajagjohor>
- d) IWK : <http://tinyurl.com/iwkagjohor>

4. Bagi sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai seperti berikut:

- a) Akaun Pukal TNB – En. Abdul Raizul bin Abdul Rahman samb: 1059
- b) Akaun Pukal SAJ – Pn. Noorazizah binti Ishak samb: 1050
- c) Akaun Pukal IWK – Pn. Nooremaiya binti Moin samb: 1058
- d) Akaun Pukal TM – Pn. Raja Maslina binti Raja Samri samb: 1155

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengambil tindakan segera terhadap perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor